



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12(54)
Tarikh : 15 November 2023
Bersamaan : 01 Jamadilawwal1445H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL.52/2023/O : TARIKH CUT-OFF BAGI PENERIMAAN BORANG
PENGWUJUDAN/PEMBATALAN/KEMASKINI AKAUN PUKAL DAN PENGELUARAN
WPUA/TIKET PENERBANGAN OLEH MALAYSIA AIRLINES BERHAD**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan email daripada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) rujukan: BPOPP/SPO (Emel)/2023 (375) bertarikh 11 November 2023 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg Datin/Tuan/Puan, Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan menukar sistem perakaunan yang sedia ada (SAP ECC) ke sistem baharu iaitu SAP S4HANA. Terdapat beberapa aktiviti yang akan terlibat sepanjang tempoh proses penukaran sistem tersebut termasuklah penerimaan borang pengwujudan, pembatalan dan kemaskini akaun pukal.

3. Bagi melancarkan proses tersebut, sebarang aktiviti yang melibatkan pengwujudan, pembatalan dan kemaskini akaun pukal hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada 30 November 2023. Sistem baharu MAB SAP 4HANA akan berada di dalam '*blackout period*' bermula 1 Januari 2024 sehingga 14 Januari 2024. Pada tempoh tersebut, Jabatan perlu menggunakan WPUA Bukan Pukal bagi pengeluaran tiket MAB melalui agensi pengembaraan. Pengeluaran WPUA *online* dan *offline* boleh diakses semula pada 15 Januari 2024.

4. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai di jabatan ini seperti berikut:

- i) Muhaini binti Makhtar di talian 06-289 5086
- ii) Nur Ul Saadah binti Mustapha 06-289 5091

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA,CGMA,ASEAN CPA,CPFA (UK), C.P.(M))

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.